

<b>Headline</b>	<b>TNB optimis prospek pertumbuhan, tingkat perkhidmatan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>13 May 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>155,996</b>	<b>Readership</b>	<b>467,988</b>
<b>Section</b>	<b>Niaga</b>	<b>Page No</b>	<b>45</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>262 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 20,397</b>		



## TNB optimis prospek pertumbuhan, tingkat perkhidmatan

KUALA LUMPUR - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) optimis terhadap prospek pertumbuhan yang membolehkan syarikat utiliti nasional itu menawarkan perkhidmatan lebih baik, manfaatkan pertumbuhan pasaran baharu menerusi nilai aset rangkaian serta meningkatkan nilai mampam untuk kalangan pihak berkepentingannya.

Pengerusinya, Tan Sri Leo Moggie berkata, pihaknya melihat ini merupakan sebahagian daripada komitmen dan sumbangan untuk merealisasikan cita-cita negara.

"Bersandarkan pelbagai usaha strategik di bawah pelan induk *Reimagining TNB* (2017-2025), syarikat itu terbukti terus mencatat pertumbuhan hasil

tahunan serta keuntungan yang baik, dipacu oleh persekitaran kawal sella yang kondusif," katanya.

Beliau berkata demikian dalam laporan tahunan kewangan bersepuduh 2018 (FY2018) TNB yang turut memperincikan perkembangan syarikat utiliti itu sejak tujuh dekad lalu.

Perolehan kumpulan TNB meningkat 6.3 peratus daripada FY2017 kepada RM50.39 billion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

Sebahagian besar daripadanya dipacu oleh peningkatan



**TENAGA  
NASIONAL**

bekalan elektrik yang mencecah 18,338MW pada Ogos 2018 iaitu meningkat 1.4 mata peratus berbanding urutan awal menerusi RP2 rangkaian kerja Kawa Selia Berasaskan Insentif (IBR).

Keuntungan bersih bagi FY2018 juga rendah kepada RM3.75 billion berbanding RM6.91 billion pada FY2017, kebanyakannya disebabkan oleh pelarasan pengawalseliaan akibat perubahan

dalam Tempoh Pengawalseliaan Kedua (RP2) 2018-2020, susut

nilai dan kesan tukaran asing.

Permintaan tenaga turut meneruskan momentum positifnya pada FY2018 dengan jualan tenaga elektrik tahunan meningkat 1.4 mata peratus berbanding urutan awal menerusi RP2 rangkaian kerja Kawa Selia Ber-

rasaskan Insentif (IBR). berwawasan, beliau berkata, TNB telah menjalankan kerja-kerja persiapan bagi menghadapi Tempoh Pengawalseliaan Ketiga (RP3) (2021-2023) dan dijangka menyerahkan cadangan IBR RP3nya menjelang Disember tahun ini.

Dalam persekitaran perubahan teknologi berterusan yang turut memberi kesan terhadap industri, Moggie menjelaskan, TNB yang mencatatkan aspek ketersediaan sistem sebanyak 99.97 peratus pada 2018, juga percaya mengenai kepentingan kalangan Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESI) menyediakan peralihan asas yang akan turut memberi impak terhadap industri itu di peringkat global. - Bernama